



## KENYATAAN MEDIA

### **PUSAT REHABILITASI NEURO-ROBOTIK & CYBERNICS KEBANGSAAN PERKESO MERCU TANDA BAHARU DI NEGERI PERAK**

**IPOH, PERAK – Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO** bukan sahaja akan menjadi salah satu mercu tanda moden dan baharu di Negeri Perak tetapi juga akan membawa revolusi baru dalam penawaran perkhidmatan rehabilitasi dan pemulihan di utara tanahair. Majlis Pecah Tanah kompleks tersebut disempurnakan oleh **Yang Berhormat Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia** dan **Yang Amat Berhormat Dato Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak** hari ini, menandakan bermulanya projek pembangunan yang berlokasi di Bandar Meru Raya.

Disasarkan siap menjelang akhir tahun **2024**, pembinaan pusat rehabilitasi ini merupakan inisiatif **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** menerusi agensinya, **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** bagi menyediakan perkhidmatan rehabilitasi dan pemulihan yang lebih berkualiti kepada golongan pekerja, selain membantu memperluas perkhidmatan ini kepada orang awam khususnya di **Zon Utara**. Sejak 2014 hingga kini, kira-kira **35 peratus** daripada jumlah kes kemasukan pekerja ke **Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Abdul Razak di Melaka** adalah dari Zon Utara.

Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO ini berfungsi sebagai hub bagi perkhidmatan **neuro-robotik** di rantau Asia. Melalui kerjasama strategik sedia ada antara PERKESO dan *Cyberdyne Inc. Japan*, lebih banyak teknologi

robotik **Cyberdyne HAL (*Hybrid Assistive Limb*)** yang terkini dan rawatan Cybernics akan disediakan di pusat rehabilitasi kebangsaan yang secara tidak langsung akan menawarkan lebih kepelbagaian dalam perkhidmatan rehabilitasi neuro-robotik.

Kompleks bertaraf antarabangsa ini bakal memuatkan sehingga **700** orang pesakit pada satu-satu masa dan akan menumpukan kepada rehabilitasi perubatan dan vokasional yang holistik berdasarkan konsep rehabilitasi sepanjang hayat (*whole life-cycle rehabilitation concept*). Selain itu, kompleks kesihatan ini juga akan bertindak sebagai **Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*)** yang canggih dan unggul bagi Program Rehabilitasi dan Return To Work, bukan sahaja dalam negara, malah di peringkat Asia Tenggara dan dunia.

Antara kemudahan dan perkhidmatan lain yang akan disediakan termasuklah *Neuro-robotic Rehabilitation, Advanced Virtual Rehabilitation, Intelligent Neuro-Robotic Gym* dan *Cybernics Research Centre, Physical Rehabilitation, Pediatric Rehabilitation, Geriatric Rehabilitation, Cancer Rehabilitation, Burns Rehabilitation, Vocational Retraining* dan *Advanced Return To Work and Recreational Programme*.

Kejayaan **Program Return To Work (RTW) PERKESO** yang telah berjaya memulihkan seramai **45,614** pekerja yang hilang upaya menjadi antara titik tolak kepada pembangunan Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO ini. Pembangunan projek ini turut mendapat perkenan oleh **Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah** yang mencadangkan reka bentuk yang ikonik dan berkonsepkan budaya Negeri Perak.

Penubuhan pusat rehabilitasi yang berteknologi tinggi ini juga adalah seiring dengan agenda Kerajaan Negeri Perak untuk menyediakan lebih banyak kemudahan kesihatan yang berkualiti tinggi dan terbaik kepada rakyat Negeri Perak, khususnya golongan pekerja.

Pengoperasian pusat rehabilitasi ini turut akan mempergiatkan aktiviti pelancongan domestik dan menggilap potensi Perak sebagai antara lokasi pilihan industri pelancongan kesihatan (*health tourism*) yang utama di Malaysia, selaras dengan Rancangan Struktur

Negeri Perak 2040 dan persediaan Kerajaan Negeri Perak untuk Tahun Melawat Perak pada 2025.

Setelah pusat rehabilitasi ini beroperasi sepenuhnya, hampir **400** pekerjaan tetap akan diwujudkan yang akan memberi kesan positif kepada pembangunan modal insan dan pasaran pekerjaan di Negeri Perak dan kawasan sekitarnya.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato' Zulazlan Abu Hassan, Pegawai Kewangan Negeri Perak, Yang Berbahagia Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia, Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa Hj. Abdullah, Pengerusi Lembaga PERKESO dan Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

PERKESO percaya pelaksanaan projek Pusat Rehabilitasi Neuro-Robotik dan Cybernics Kebangsaan PERKESO di negeri Perak ini akan menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan bukan sahaja golongan pekerja dan keluarga mereka, bahkan seluruh rakyat Malaysia.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**11 Jun 2022**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Roselyn Tai Siew Hwa** | [ltai.siewhwa@rehabmalaysia.com.my](mailto:ltai.siewhwa@rehabmalaysia.com.my) | +012-6361399

**Shafiq Adnan** | [shafiq.adnan@perkeso.gov.my](mailto:shafiq.adnan@perkeso.gov.my) | +6018-3246720

**Hamisah Hamid** | [hamisah.hamid@perkeso.gov.my](mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my) | +6019-3833605